A

Re Charles Gray QC

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R2–17–8 TAHUN 1998
NIK HASHIM H
7 MEI 1998

B

Profession Undang-Undang *— Penerimaan — Ad hoc — Penerimaan Queen's Counsel — Permohonan untuk penerimaan Queen's Counsel sebagai peguam utama dalam lima kes fitnah — Sama ada kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang ada pada pemohon tidak boleh di dapati di kalangan penguambela yang mengamal di Malaysia — Sama ada sokongan pihak Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam dan pihak-pihak yang terlibat akan meringankan atau melepaskan beban pembuktian pemohon — Akta Profesyen Undang-Undang 1976 s 18(1)*

C

Pemohon — seorang Barrister-at-Law dan Queen's Counsel dari London — berhajat hendak menjadi seorang peguambela dan peguamcara Makamah Tinggi Malaya secara 'ad-hoc' di bawah s 18(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ('Akta tersebut') untuk menghadiri sebagai peguam utama dalam lima kes fitnah ('kes-kes tersebut') yang melibatkan gantirugi berjumlah lebih kurang RM280 juta. Permohonan tersebut disokong dengan afidavit-afidavit peguamcara yang mengendalikan kes-kes tersebut. Peguam Negara membantah permohonan, manakala Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, plaintif-plaintif kes-kes tersebut serta pihak-pihak lain yang terlibat tidak membantah dan sebaliknya menyokong permohonan. Bagi menyokong permohonan, pemohon juga melampirkan satu salinan surat akuan seorang bekas hakim Mahkamah Rayuan England yang memperakukan bahawa pemohon adalah 'most skilled advocate and has an encyclopaedic knowledge of the law of defamation'. Bantahan Peguam Negara ialah atas alasan bahawa perkara yang terkandung di dalam kes-kes tersebut tidak sukar dan boleh dikendalikan oleh seorang peguambela dan peguamcara di Malaysia.

D

E

F

G

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Selepas meneliti nas-nas yang telah dirujukkan itu, dan isu-isu serta kesan-kesan yang dikatakan terdapat dalam kes-kes tersebut yang memerlukan perkhidmatan pemohon, di dapati kes-kes tersebut bukan jenis kes fitnah yang rumit dan kompleks. Kebolehan peguam-peguam tempatan untuk mengendalikan kes-kes fitnah telah terbukti nyata dalam kes-kes yang terdahulu. Kebanyakan isu-isu yang berkaitan merupakan isu-isu biasa yang sering terdapat dalam kes-kes fitnah yang selalu dikendalikan oleh peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara tempatan sementara satu isu yang lain adalah merupakan isu tempatan yang melibatkan interpretasi dan pemakaian Akta. Kes-kes begini boleh dikendalikan oleh peguam tempatan dengan kompetennya (lihat ms 419D, F); *Jude Philomen Benny v Majlis Peguam Malaysia & Anor* [1997] 5 MLJ 306; *Lee Wong Tiang v*

H

I

PP; Re SK Lee, applicant [1971] 2 MLJ 40; *Re B Larbalestier QC* [1988] 1 MLJ 13 dan *Re Graham Starfor Hill* [1971] 2 MLJ 2695 diikut.

(2) Adalah menjadi kewajipan pemohon untuk menunjukkan dan memuaskan hati mahkamah bahawa kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang ada pada pemohon tidak boleh di dapati di kalangan penguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara yang mengamal di Malaysia. Dalam kes ini, di dapati pemohon gagal melepaskan beban pembuktian yang terletak di bahunya (lihat ms 420B–C).

(3) Seksyen 18(1)(a) Akta meletakkan tugas yang berat ke atas mahkamah untuk mencapai satu pendapat bagi memutuskan sama ada seseorang itu berkelayakan untuk diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah peruntukan itu. Sokongan pihak Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur dan pihak-pihak yang terlibat tidak sedikit pun meringankan atau melepaskan beban pembuktian yang terletak di bahu pemohon daripada mengemukakan keterangan yang nyata dan memuaskan hati mahkamah sebelum permohonan ini boleh diberi di bawah s 18(1) Akta (lihat ms 420E, H).

[English summary

The applicant — a Barrister-at-Law and Queen's Counsel from London — intended to be admitted as an advocate and solicitor of the High Court of Malaya by way of ad hoc admission under s 18(1) of the Legal Profession Act 1976 ('the Act') to appear as the principal counsel in five defamation cases ('the cases') involving damages amounting to about RM280m. The application was supported by the affidavits of the solicitors dealing with the cases. The Attorney General objected the application, while the Bar Council, the Kuala Lumpur Bar Committee, the plaintiffs in the cases and other parties involved did not object and instead supported the application. To support the application, the applicant also enclosed a copy of letter of declaration from a former judge of the English Court of Appeal who declared that the applicant was the 'most skilled advocate and has an encyclopedia knowledge of the law of defamation'. The Attorney General's objection was based on the ground that the matters contained in the cases were not difficult and can be dealt with by an advocate and solicitor in Malaysia.

Held, dismissing the application:

(1) After considering the authorities referred to, and the issues and the effects in the cases as alleged which required the service of the applicant, it was found that the cases were not the type of defamation cases that were difficult and complex. The ability of local counsel to deal with defamation cases had clearly been proved in previous cases. Most of the relevant issues were the

usual issues in defamation cases which were always dealt with by local advocates and solicitors whilst another issue was a local issue involving interpretation and applicability of an Act. These type of cases can be dealt with competently by local counsel (see p 419D, F); *Jude Philomen Benny v Majlis Peguam Malaysia & Anor* [1997] 5 MLJ 306; *Lee Wong Tiang v PP; Re SK Lee, applicant* [1971] 2 MLJ 40; *Re B Larbalestier QC* [1988] 1 MLJ 13 and *Re Graham Starfor Hill* [1971] 2 MLJ 2695 followed.

(2) It was the duty of the applicant to show and satisfy the court that his qualifications and experience could not be found amongst the advocates and solicitors practising in Malaysia. In this case, it was found that the applicant had failed to discharge the burden of proof (see p 420B–C).

(3) Section 18(1)(a) of the Act put an onerous duty on the court before coming to a conclusion that a person is qualified to be admitted as an advocate and solicitor under that provision. Support from the Bar Council, the Kuala Lumpur Bar Committee and the parties involved did not lighten or discharge the burden of proof to give clear evidence which could satisfy the court before the application could be allowed under s 18(1) of the Act (see p 420E, H)

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai penerimaan ad hoc peguambela, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed,1995 Reissue) perenggan 1345–1363.

Kes-kes yang dirujuk

B Larbalestier QC, Re [1988] 1 MLJ 135 (diikut)
Dato' Param Cumaraswamy v MBf Capital Bhd & Anor [1997] 3 MLJ 824 (dirujuk)
Datuk Harris bin Mohamed Salleh v Abdul Jalil bin Ahmad & Anor [1984] 1 MLJ 97 (dirujuk)
Graham Starfor Hill, Re [1971] 2 MLJ 269 (dirujuk)
Jude Philomen Benny v Majlis Peguam Malaysia & Anor [1997] 5 MLJ 306 (diikut)
Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd [1993] 1 MLJ 408 (dirujuk)
Lee Kuan Yew v Chin Vui Khen & Anor [1991] 3 MLJ 494 (dirujuk)
Lee Wong Tiang v PP; Re SK Lee, applicant [1971] 2 MLJ 40 (diikut)
MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun and other appeals [1995] 2 MLJ 493 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ss 18(1), 42, 111
Convention on the Privileges and Immunities of the United Nations 1946 s 22

Diplomatic Privileges (United Nations and International Court of Justice) Order 1949 perkara 12

Raja Aziz Addruse (*Darryl Goon Siew Chye* dan *Robyn Choi* besamanya) bagi pihak pemohon.

Zaitun Zawiyah bte Puteh (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak Peguam Negara.

Mah Weng Kwai bagi pihak Majlis Peguam.

Yasmeen Shariff bagi pihak Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur.

V Sivaparanjothi (*R Thayalan* bersamanya) bagi pihak plaintif-plaintif.

Zainur Zakaria bagi pihak K Anantham.

G Rajasingam bagi pihak Skrine & Co.

Nik Hashim J: Encik Charles Gray, seorang Barrister-at-Law dan Queen's Counsel dari London, berhajat hendak menjadi seorang peguambela dan peguamcara Makamah Tinggi Malaya secara 'ad-hoc' di bawah s 18(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ('Akta tersebut') untuk menghadiri sebagai peguam utama bagi pihak Tommy Thomas dalam lima kes fitnah iaitu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Guaman No S2–23–52–96, No S3–23–43–96, No S4–23–19–96, No S4–23–39–96 dan No S4–23–44–96 ('kes-kes tersebut'). Kelima-lima kes tersebut melibatkan fitnah ekoran daripada satu terbitan yang disiarkan dalam majalah 'International Commercial Litigation' dalam satu artikel bertajuk 'Malaysian justice on trial'. Jumlah gantirugi yang dituntut daripada Tommy Thomas dalam kes-kes tersebut ialah lebih kurang RM280 juta, dan kes-kes tersebut sedang menunggu perdengaran.

Permohonan melalui notis usul pemula ini disokong dengan afidavit-afidavit Darryl Goon Siew Chye, Tommy Thomas dan Charles Gray QC. Encik Darryl Goon Siew Chye adalah peguamcara yang mengendalikan kes-kes tersebut.

Yang Berhormat Peguam Negara membantah permohonan, manakala Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, plaintif-plaintif kes-kes tersebut, K Anantham dan Skrine & Co tidak membantah dan sebaliknya menyokong permohonan. Bantahan Peguam Negara ialah atas alasan bahawa perkara yang terkandung di dalam kes-kes tersebut tidak sukar dan boleh dikendalikan oleh seorang peguambela dan peguamcara di Malaysia.

Sebelum saya meneliti merit permohonan ini, adalah baik jika saya menyatakan peruntukan s 18(1) Akta yang berbunyi:

> Nothwithstanding anything contained in this Act ... no person shall be admitted to practise as an advocate and solicitor under this subsection unless —
>
> (a) for the purpose of that particular case he has, in the opinion of the Court, special qualifications or experience of a nature not available amongst advocates and solicitors in Malaysia; and
>
> (b) he has been instructed by an advocate and solicitor in Malaysia.

Dalam kes ini, nyata bahawa pemohon telah memuaskan kehendak perenggan (b) di atas. Yang menjadi persoalan ialah sama ada keterangan

A di hadapan mahkamah dalam afidavit-afidavit yang menyokong, memuaskan kehendak perenggan (a) di atas. Pada hemat saya, untuk berjaya dalam permohonan ini, adalah kewajipan pemohon untuk memuaskan hati mahkamah bahawa:

(i) bagi maksud kes-kes tersebut, pemohon mempunyai kelayakan-
B kelayakan atau pengalaman yang istimewa; dan

(ii) kelayakan-kelayakan atau pengalaman yang istimewa itu mestilah terdiri daripada jenis yang tidak boleh di dapati di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia.

Pihak saya dalam kes *Jude Philomen Benny v Majlis Peguam Malaysia &*
C *Anor* [1997] 5 MLJ 306 telah berkongsi pendapat dengan Sharma J dalam *Lee Wong Tiang v PP; Re SK Lee, applicant* [1971] 2 MLJ 40 dan Mohamed Dzaiddin J (beliau ketika itu) dalam *Re B Larbalestier QC* [1988] 1 MLJ 135 tentang makna 'kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang istimewa' iaitu suatu kelayakan atau pengalaman yang luar biasa tahapnya dan yang
D mana ia tidak boleh di dapati di kalangan peguam-peguam tempatan. Sharma J dalam *Re SK Lee* telah memberi makna (di ms 40):

> 'special qualifications' to mean the accomplishment contemplated should be of an exceptional degree or such that excels in some way the measure of accomplishment reached by the advocates and solicitors of Malaysia.

E Manakala, Mohamed Dzaiddin J (beliau ketika itu) dalam *Re B Larbalestier QC* berkata (di ms 135):

> ... I think what the law intended to mean is that special qualifications or experience are required to be of a quality and type which cannot be had amongst the advocates and solicitors in Malaysia.

F Mohamed Azmi J (beliau ketika itu) dalam *Re Graham Starfor Hill* [1971] 2 MLJ 269, di ms 270–271 perenggan 'I' berkata bahawa ungkapan 'special qualifications or experience' adalah merujuk kepada cabang undang-undang tertentu pada keseluruhannya yang mana kes itu berkaitan dan bukan kepada fakta kes atau kepada suatu statut tertentu atau peruntukan
G statut yang tertentu yang mana kes itu ada kaitan. [The words 'special qualifications or experience' refer to the particular branch of the law as a whole to which the relevant case relates rather than to the facts of the case or to a particular statute or certain provisions of that statute to which the case may relate.]

H Sekarang, apakah kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa pemohon? Menurut afidavit-afidavit sokongan, pemohon mempunyai pengalaman luas dalam mengendalikan kes-kes fitnah dan kebebasan bertutur di United Kingdom, Hong Kong, Singapura dan di beberapa bidangkuasa lain. Beliau telah melibatkan diri dalam beberapa ribu tindakan fitnah dan lebih kurang 75% amalannya di Bar Inggeris adalah dalam
I bidang fitnah. Beliau telah menghadiri di kesemua Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan House of Lords di England, dan memetik 29 kes yang telah dilaporkan di mana beliau telah hadiri bagi menyokong permohonan. Afidavit Darryl Goon Siew Chye di perenggan 14 mengatakan pengalaman yang ada pada Charles Gray QC tidak boleh di dapati di

kalangan peguam-peguam tempatan. Perenggan 16 afidavit mengatakan bahawa kelima-lima kes tersebut adalah berkaitan dengan perjalanan Tommy Thomas sebagai seorang ahli dan setiausaha kepada Majlis Peguam dalam menjalankan tugas-tugas statutorinya di bawah s 42 dan s 111 Akta tersebut. Perenggan 17 mengatakan kes-kes tersebut melibatkan isu-isu kepentingan awam dan penting yang mempunyai kesan terhadap kehakiman, orang-orang yang terlibat dalam dakwaan dan ahli Bar Malaysia, dan oleh itu, ia patut dikendalikan oleh seorang peguam yang bebas dan unggul. Tommy Thomas dalam afidavitnya mengatakan dia mempunyai hak perlembagaan untuk memilih peguamnya dan ingin menggunakan hak itu khususnya dalam keadaan di mana hak kehidupan dan hak kebebasan bertuturnya dipersoalkan. Di perenggan 7 afidavitnya, beliau berkata oleh kerana isu-isu di dalam kes-kes tersebut mempunyai kepentingan awam dan kepentingan Majlis Peguam, maka ia patut dikendalikan oleh Charles Gray QC, yang mempunyai kepakaran yang tidak boleh di dapati di kalangan peguam-peguam di Malaysia. Bagi menyokong permohonan, beliau juga lampirkan satu salinan surat akuan (TT–1) daripada Sir Brian Neill, seorang bekas hakim Mahkamah Rayuan England yang memperakukan bahawa Charles Gray QC '... he is most skilled advocate and has an encyclopaedic knowledge of the law of defamation'.

Raja Aziz Addruse, peguamcara bagi pihak pemohon memberitahu mahkamah bahawa isu-isu dalam kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

(1) 'justification';
(2) 'qualified privilege';
(3) 'absolute privilege';
(4) kekebalan Tommy Thomas sebagai Setiausaha Majlis Peguam;
(5) 'quantum of damages'; dan
(6) kebebasan bertutur.

Dan seterusnya, beliau berhujah bahawa kelayakan-kelayakan dan pengalaman pemohon yang ditunjukkan adalah melebihi kelayakan-kelayakan dan pengalaman peguam-peguam tempatan; oleh itu, katanya, Charles Gray QC bolehlah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah s 18(1) Akta.

Dato' Zaitun Zawiyah, peguam kanan persekutuan, bagi pihak peguam Negara, dalam afidavit bantahannya mengatakan kes-kes tersebut melibatkan isu fitnah yang tidak kompleks sehingga memerlukan perkhidmatan pemohon. Isu-isu yang dibangkitkan bukanlah suatu isu yang baru yang tidak pernah dikendalikan oleh peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara tempatan. Terdapat peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara tempatan yang berkelayakan untuk mengendalikan kes-kes tersebut; pemohon tidak menunjukkan dia mempunyai kelayakan atau pengalaman istimewa terdiri daripada jenis yang tidak terdapat di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara tempatan, dan memetik empat kes fitnah untuk menyokong hujahnya. Kes-kes itu ialah:

(1) *MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun and other appeals* [1995] 2 MLJ 493;

(2) *Lee Kuan Yew v Chin Vui Khen & Anor* [1991] 3 MLJ 494;

(3) *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408; dan

(4) *Datuk Harris bin Mohamed Salleh v Abdul Jalil bin Ahmad & Anor* [1984] 1 MLJ 97,

dan isu-isu seperti 'fitnah', 'assessment of damages', 'justification', 'fair comment', 'qualified privilege', 'quantum of damages', 'kebebasan bertutur' telah diputuskan dalam kes-kes tersebut. Menurut Dato' Zaitun Zawiyah, peguam-peguam seperti En Karpal Singh, En Shamsul Bahrain, En C Abraham, Dato' DJ Puthucheary dan En Wee Choo Keong yang telah mengendalikan kes-kes di atas masih aktif sebagai pengamal undang-undang.

Selepas meneliti keempat-empat kes yang telah dirujukkan itu, dan isu-isu serta kesan-kesan yang dikatakan terdapat dalam lima kes fitnah yang memerlukan perkhidmatan pemohon, saya dapati kelima-lima kes tersebut bukan jenis kes fitnah yang rumit dan kompleks. Kebolehan peguam-peguam tempatan untuk mengendalikan kes-kes fitnah telah terbukti nyata dalam empat kes tersebut. Saya percaya banyak lagi kes-kes fitnah yang dikendalikan oleh peguam-peguam kita, dan walaupun mereka tidak bergelar 'Queen's Counsel', kebolehan mereka tidak kurang hebatnya. Melainkan isu nombor (4) mengenai kekebalan Tommy Thomas sebagai Setiausaha Majlis Peguam, isu-isu lain yang terlibat merupakan isu-isu biasa yang sering terdapat dalam kes-kes fitnah yang selalu dikendalikan oleh peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara tempatan. Isu nombor (4) lebih merupakan isu tempatan yang melibatkan interpretasi dan pemakaian Akta. Pada hemat saya, ia boleh dikendalikan oleh peguam tempatan dengan kompetennya. Dalam hubungan ini, saya teringat kepada kes Mahkamah Rayuan *Dato' Param Cumaraswamy v MBf Capital Bhd & Anor* [1997] 3 MLJ 824 di mana isu kekebalan perayu sebagai 'special rapporteur' Bangsa-Bangsa Bersatu bagi kebebasan hakim-hakim dan peguam-peguam di bawah s 22 Convention on the Privileges and Immunities of the United Nations 1946 dan perkara12 Diplomatic Privileges (United Nations and International Court of Justice) Order 1949, berbangkit dan nampaknya peguam-peguam bagi pihak perayu telah mengendalikan isu tersebut dengan handalnya. Jika isu antarabangsa boleh dikendalikan oleh peguam-peguam kita dengan efektifnya, saya tidak mengerti mengapa isu yang bercorak tempatan ini tidak boleh dikendalikan oleh peguam-peguam tempatan. Lagi pun, tidak ada bukti yang menunjukkan Charles Gray QC mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam perkara ini. Apa yang penting dalam kelima-lima tindakan ialah isu-isunya, dan ia perlu diambilkira bagi menimbangkan permohonan di bawah s 18(1) Akta tersebut.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa Charles Gray ialah seorang Queen's Counsel semenjak 1984. Beliau merupakan seorang peguam yang bijaksana, arif dan mempunyai pengalaman dalam undang-undang fitnah. Beliau

telah mengendalikan ribuan kes fitnah, dan banyak kes-kes yang beliau wakili telah dilaporkan. Malah Sir Brian Neill, bekas hakim Mahkamah Rayuan, England turut sama menyokong permohonan ini, dan menyifatkan Charles Gray QC mempunyai 'encyclopaedic knowledge of the law of defamation'. Namun begitu, itu semua tidak bererti segala keterangan yang ada sudah mencukupi bagi maksud s 18(1)(a) Akta tersebut. Adalah menjadi kewajipan pemohon untuk menunjukkan dan memuaskan hati mahkamah bahawa kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang ada pada Charles Gray QC tidak boleh di dapati di kalangan penguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara yang mengamal di Malaysia. Dalam kes ini, saya dapati pemohon gagal melepaskan beban pembuktian yang terletak di bahunya.

Kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang ada pada Charles Gray QC adalah bukan istimewa dalam ertikata ia berkualiti yang tidak boleh di dapati di kalangan peguam-peguam tempatan. Kelayakan-kelayakan dan pengalaman Charles Gray QC bukan merupakan satu pencapaian yang luar biasa atau tahap yang tinggi yang melebihi pencapaian peguam-peguam dalam negara. Fakta yang mengatakan beliau telah mengendalikan ribuan kes fitnah tidak bermakna tidak ada peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia yang tidak mengendalikan kes-kes fitnah dengan jayanya setanding dengan kemahiran Charles Gray QC.

Seksyen 18(1)(a) Akta meletakkan tugas yang berat ke atas mahkamah untuk mencapai satu pendapat bagi memutuskan sama ada seseorang itu berkelayakan untuk diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah peruntukan itu. Dalam kes ini, terdapat tiga afidavit yang menyokong dan satu afidavit yang menentang. Pernyataan Darryl Goon Siew Chye dan Tommy Thomas di perenggan-perenggan 14 dan 7 afidavit masing-masingnya yang mengatakan kelayakan-kelayakan atau pengalaman Charles Gray QC tidak dipunyai oleh peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia, adalah tidak cukup untuk membuktikan dakwaan itu. Pemohon hendaklah memuaskan hati mahkamah dengan bukti-bukti bahawa kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa yang dikatakan Charles Gray QC punyai itu, tidak boleh di dapati di kalangan ribuan peguam-peguam tanah air.

Adalah diperhatikan bahawa pihak Majlis Peguam, Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur dan pihak-pihak yang terlibat tidak membantah permohonan ini. Malah, mereka menyokong penerimaan masuk Charles Gray QC. Walaupun mereka menyokong, sokongan semata-mata tidak menyumbang apa-apa kepada permohonan ini. Sokongan mereka tidak sedikit pun meringankan atau melepaskan beban pembuktian yang terletak di bahu pemohon daripada mengemukakan keterangan yang nyata dan memuaskan hati mahkamah sebelum permohonan ini boleh diberi di bawah s 18(1) Akta.

Selepas mengambilkira semua fakta di hadapan mahkamah, saya dapati kelima-lima tindakan tidak melibatkan isu-isu yang novel atau payah sehingga ia memerlukan kelayakan yang istimewa. Dalam hubungan ini, saya bersetuju benar dengan pihak Yang Berhormat Peguam Negara bahawa kes-kes tersebut boleh dengan kompetennya dikendalikan oleh seorang

peguambela dan peguamcara tempatan. Dalam permohonan ini, pemohon gagal menyakinkan saya dan saya tidak puas hati, bagi maksud kes-kes tersebut, Charles Gray QC mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa terdiri daripada jenis yang tidak terdapat di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia.

Atas alasan-alasan tersebut, permohonan pemohon adalah dengan ini ditolak.

Permohonan ditolak.

Reported by Loo Lai Mee